

**KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN  
MUZIK TRADISIONAL IBAN: KAJIAN KES  
DI RUMAH PANJANG ENKUDU ATAS,  
BETONG**

**DAYANG EMILLIA ARIZA BT. ABG AHMAD  
HA2006-1090**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA MUDA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



HADIAH

PUMS99:1

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: KEBINAIBURHAN DAN PERUBAHAN MUIK TRANSISIONALIBAN: K.K. Di Rumah Panjang Engkurou Ams, BefongIJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIALSAYA DAYANG EMILLIA ARIZAT  
(HURUF BESAR)SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

PROF. MARYA OT. JACQUELINE  
Nama Penyelia

Tarikh: 28/MEI/2009Tarikh: 28/MEI/2009

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017054

DITERIMA

30 JUN 2009

Sekolah Sains Sosial Universiti  
Malaysia Sabah




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

Latihan ilmiah yang bertajuk Kesenambungan dan Perubahan Muzik Tradisional Iban: Kajian Kes Di Rumah Panjang Engkudu Atas, Betong yang disediakan oleh Dayang Emillia Ariza bt. Abg Ahmad bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh:



.....  
(Prof Madya. Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan)  
Sekolah Sains Sosial  
25 Mei 2009



## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Dayang Emillia Ariza bt. Abg Ahmad  
HA2006-1090  
25 MEI 2009



## PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana telah memberikan peluang untuk menyiapkan hasil penyelidikan yang ringkas ini. Keduaanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih dan ikhlas kepada penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan kerana telah banyak memberikan nasihat, bimbingan, kesabaran tenaga, bantuan dan dorongan kepada saya untuk menghasilkan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar, pandangan dan kritikan daripada Prof. Jacqueline khususnya dan juga para pensyarah program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah lama tiga tahun ini tidak mungkin saya lupakan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada informan utama dalam kajian ini iaitu Encik Albert Renggian sekeluarga, *Tuai Rumah* Temenggong @ Lembang Ak Aji sekeluarga dan seluruh penduduk rumah panjang Engkudu Atas di atas segala bantuan dan minat mereka dalam memberikan maklumat mengenai penyelidikan yang saya lakukan. Selain itu, segala keprihatinan dan dorongan mereka telah memberikan saya inspirasi untuk melakukan kajian penyelidikan mengenai muzik tradisional Iban.

Bagi keluarga tercinta, pertama sekali kepada ibu saya, Puan Aisah @ Rokiah Yusop yang bersama-sama menjalankan kerja lapangan di rumah panjang tersebut dan merupakan pendorong utama saya selama ini. Tanpa dorongan, pandangan dan kritikan yang diberikan oleh beliau, saya tidak mampu untuk berdiri sehingga hari ini. Seterusnya kepada bapa saya turut memberikan sokongan dalam bentuk kewangan juga membantu saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Hasil penyelidikan ini saya dedikasikan kepada adik-adik saya yang juga telah memberikan semangat dalam menyiapkan tesis ini.

Kepada sahabat setiaku, Audrey Joan, Wan Nazatul Aminah, Leonie Alcina, Imelda May, Nikita, Nadya yang telah mengembirakan kehidupan saya sepanjang berada di sini. Selain itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pejuang-pejuang yang bersama-sama di dalam mengharungi kehidupan tempoh menyiapkan latihan ilmiah ini, Mohd. Saiful, Khalsia, Marlija, Norhaslina, Susan, dan kesemua teman-teman sekelas tahun 2006/2009 ANSOS yang tidak dapat dinyatakan setiap satu namanya yang memberikan banyak sokongan, dugaan, bantuan dan kemudahan teknologi selama saya menyiapkan tesis ini. Sahabat sejati selamanya. Amin.



## PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana telah memberikan peluang untuk menyiapkan hasil penyelidikan yang ringkas ini. Keduanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih dan ikhlas kepada penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan kerana telah banyak memberikan nasihat, bimbingan, kesabaran tenaga, bantuan dan dorongan kepada saya untuk menghasilkan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar, pandangan dan kritikan daripada Prof. Jacqueline khususnya dan juga para pensyarah program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah lama tiga tahun ini tidak mungkin saya lupakan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada informan utama dalam kajian ini iaitu Encik Albert Renggian sekeluarga, *Tuai Rumah* Temenggong @ Lembang Ak Aji sekeluarga dan seluruh penduduk rumah panjang Engkudu Atas di atas segala bantuan dan minat mereka dalam memberikan maklumat mengenai penyelidikan yang saya lakukan. Selain itu, segala keprihatinan dan dorongan mereka telah memberikan saya inspirasi untuk melakukan kajian penyelidikan mengenai muzik tradisional Iban.

Bagi keluarga tercinta, pertama sekali kepada ibu saya, Puan Aisah @ Rokiah Yusop yang bersama-sama menjalankan kerja lapangan di rumah panjang tersebut dan merupakan pendorong utama saya selama ini. Tanpa dorongan, pandangan dan kritikan yang diberikan oleh beliau, saya tidak mampu untuk berdiri sehingga hari ini. Seterusnya kepada bapa saya turut memberikan sokongan dalam bentuk kewangan juga membantu saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Hasil penyelidikan ini saya dedikasikan kepada adik-adik saya yang juga telah memberikan semangat dalam menyiapkan tesis ini.

Kepada sahabat setiaku, Audrey Joan, Wan Nazatul Aminah, Leonie Alcina, Imelda May, Nikita, Nadya yang telah mengembirakan kehidupan saya sepanjang berada di sini. Selain itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pejuang-pejuang yang bersama-sama di dalam mengharungi kehidupan tempoh menyiapkan latihan ilmiah ini, Mohd. Saiful, Khalsia, Marlija, Norhaslina, Susan, dan kesemua teman-teman sekelas tahun 2006/2009 ANSOS yang tidak dapat dinyatakan setiap satu namanya yang memberikan banyak sokongan, dugaan, bantuan dan kemudahan teknologi selama saya menyiapkan tesis ini. Sahabat sejati selamanya. Amin.



## ABSTRAK

Penyelidikan ini telah dijalankan di Rumah Panjang Engkudu Atas, Betong. Kajian ini adalah satu usaha untuk mengenalpasti muzik tradisional komuniti Iban yang masih diamalkan. Seterusnya, kajian ini juga menilai kesan perubahan dalam persembahan muzik tradisional Iban dan kepentingannya dalam perayaan *Gawai* Iban. Secara keseluruhannya, perubahan yang dialami oleh komuniti Iban ini telah mengubah cara hidup mereka disebabkan oleh peredaran masa dan faktor-faktor lain. Ia turut mempengaruhi peranan muzik tradisional dalam kehidupan mereka. Sebagai satu bentuk seni sosial, muzik tradisional ini perlu dibincangkan dalam konteks persembahannya yang terbahagi kepada muzik vokal dan muzik instrumental.



## ABSTRACT

### *CONTUINITY AND CHANGE IN IBAN TRADITIONAL MUSIC: A CASE STUDY AT ENKGUDU ATAS LONGHOUSE, BETONG*

*This research was conducted at Engkudu Atas Longhouse, Betong. This study is an attempt to investigate the traditional music of the Iban community that is still practiced. In addition to this, the study also examines the effects of change in the performance of traditional Iban music and its importance in the Gawai Iban celebration. Overall, change that has been experienced by the Iban community has altered their way of life due to time movement and other factors. This has influenced the role of traditional music in their life. As a form of social art, this traditional music must be discussed in its performance context that is divided into vocal and instrumental music.*





# ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	x
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Teori	5
1.4 Kaedah Kajian	6
a) Temubual	6
b) Pemerhatian Ikut Serta	9
c) Kaedah Perpustakaan	9
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Limitasi Kajian	11
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR MENGENAI MUZIK IBAN</b>	12
2.0 Konsep dan Definisi	12
2.0.1 Komuniti	12
2.0.2 Perubahan Sosial	13
2.0.3 Muzik	14
2.1 Muzik Vokal	20
2.1.1 <i>Pelian</i>	22
2.1.2 <i>Timang/Pengap</i>	23
2.1.3 <i>Sabak</i>	25
2.2 Alat-Alat Muzik Instrumental Iban	26
2.2.1 Idiofon	26
2.2.1.1 Ensembel Gong	27
2.2.1.2 <i>Engkerumung</i>	29
2.2.1.3 <i>Agung</i>	30
2.2.1.4 <i>Tawak</i>	31



2.2.1.5 <i>Bebendai</i> atau <i>Canang</i>	32
2.2.2 Membranofon	32
2.2.2.1 <i>Ketebung</i>	33
2.2.2.2 <i>Dumbak</i>	33
2.2.3 Kordofon	34
2.2.3.1 <i>Engkratong</i>	35
2.2.3.2 <i>Blikan</i>	35
2.2.4 Aerofon	35
2.2.4.1 <i>Engkerurai</i>	36
2.2.4.2 <i>Kesuling/Seruling/Ensuling</i>	38
2.2.4.3 <i>Ruding</i>	38
2.3 Rumusan	39
<b>BAB 3: LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN</b>	<b>41</b>
3.0 Pengenalan	41
3.1 Sejarah Bahagian Betong	42
3.2 Sejarah Rumah Panjang Engkudu Atas, Betong	44
3.3 Institusi Rumah Panjang	46
3.3.1 Kemudahan Asas	47
3.3.2 Organisasi Sosial	49
3.3.2.1 Penempatan	49
3.3.2.2 Sistem Kekeluargaan	58
3.3.2.3 Perkahwinan	59
3.4 Sistem Sosio-Ekonomi	62
3.5 Pandang Dunia dan Sistem Keagamaan	65
3.5.1 Sistem <i>Gawai</i>	67
3.5.1.1 <i>Gawai Burong</i>	67
3.5.1.2 <i>Gawai Bumai</i>	69
3.5.1.2.1 <i>Gawai Batu</i>	69
3.5.1.2.2 <i>Gawai Benih</i>	70
3.5.1.2.3 <i>Gawai Nyimpan Padi</i>	70
3.5.2 <i>Gawai Antu'</i>	70
3.6 Rumusan	71
<b>BAB 4: MUZIK TRADISIONAL DALAM RUMAH PANJANG ENKUDU ATAS, BETONG PADA MASA KINI</b>	<b>72</b>
4.0 Pengenalan	72
4.1 Muzik Vokal di Rumah Panjang Engkudu Atas	72
4.2 Muzik Instrumental di Rumah Panjang Engkudu Atas	74
4.2.1 Idiofon dan Membranofon	74
4.2.2 Kordofon	78
4.2.3 Aerofon	78
4.3 Pesta <i>Gawai</i> pada masa sekarang	79
4.4 Rumusan	83

BAB 5: FAKTOR PERUBAHAN YANG MEMBERIKAN IMPAK KEPADA MUZIK TRADISIONAL	85
5.0 Pengenalan	85
5.1 Kedatangan Agama Kristian	85
5.2 Tahap Pendidikan	86
5.3 Peredaran Masa	88
5.4 Media Massa dan Teknologi	88
5.5 Kemahiran Tradisional yang Kurang	89
5.6 Migrasi ke Pusat Bandaraya	90
5.7 Rumusan	91
BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN MENGENAI MUZIK TRADISIONAL	92
6.0 Pengenalan	92
6.1 Status Muzik Tradisional di Rumah Panjang Engkudu Atas	92
6.2 Cadangan	93
6.2.1 Peranan Kerajaan	93
6.2.2 Pembangunan Pesta <i>Gawai</i>	95
6.2.3 Peranan Media Massa	95
RUJUKAN	97
LAMPIRAN	101
Gambar Foto	



## SENARAI PETA

	MUKA SURAT
Peta 3.1: Negeri Sarawak	43
Peta 3.2: Lokasi Bahagian Betong	44

## SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: Diagram Rumah Panjang Tradisional Iban	52
Rajah 3.2: Diagram Rumah Panjang Engkudu Atas	53
Rajah 4.1: Alat Muzik	75

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Jumlah Penduduk Mengikut Etnik di Sarawak Tahun 2001	42
--	----



## SENARAI GAMBAR

### MUKA SURAT

Gambar Foto 3.1: Rumah Panjang Engkudu Atas, Betong	46
Gambar Foto 3.2: Kemudahan Jalan Raya	47
Gambar Foto 3.3: Contoh Rumah Panjang Iban Tradisional	51
Gambar Foto 3.4: Rumah Panjang Engkudu Atas, Betong	51
Gambar Foto 3.5: Tengkorak yang digantung di tengah-tengah rumah panjang	57
Gambar Foto 3.6: Kawasan <i>Ruai</i> moden	57
Gambar Foto 3.7: Kawasan Tanaman Lada Penduduk Rumah Panjang Engkudu Atas	65
Gambar Foto 4.1: Contoh kelengkapan alat muzik sekarang	74
Gambar Foto 4.2: Contoh alat muzik <i>tawak</i>	77



# Bab 1

## Pengenalan

### 1.0 Pengenalan

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia yang terletak di barat laut kepulauan Borneo. Sejarah moden negeri Sarawak berkembang dengan kedatangan penjajah seperti James Brooke pada sekitar tahun 1839 telah melakar sejarah terpenting dalam pembentukan negeri Sarawak. Seterusnya, jajahan ini diperkembangkan lagi dengan mendapat bantuan yang diperolehi daripada Sultan Brunei dalam perluasan era pemerintahan James Brooke di Sarawak yang bertahan sehingga tahun 1942. Semasa Perang Dunia Kedua berlaku, Sarawak telah beralih kuasa dan berada di bawah jajahan Jepun. Kemudian, kuasa pemerintahan bertukar kepada jajahan koloni British pada sekitar tahun 1946. Pada tahun 1963, Sarawak telah menjadi salah sebuah negeri yang berada naungan negara Malaysia. Selain itu, negeri Sarawak juga merupakan sebuah kawasan tempat tinggal bersama bagi lebih daripada 30 suku kaum yang semestinya mempunyai kepelbagaian kepercayaan, adat dan juga cara hidup mereka (Chin, 1987:1; Komanyi, 1972:22).

Iban adalah suku kaum pribumi yang terbesar populasinya di negeri Sarawak. Suku kaum Iban ini dipercayai berasal dari Lembah Kupang, Kalimantan, Indonesia. Kebanyakannya suku ini bertumpu di Bahagian Kedua dan Bahagian Ketiga Sarawak. Masyarakat kaum Dayak berkomunikasi menggunakan bahasa Iban yang juga dikategorikan dalam kategori *Malayic language* yang juga merupakan rumpun bahasa *Austronesian*. Sewaktu pemerintahan Brooke, kaum Iban memang



terkenal dengan sifat keberanian mereka yang menjadikan mereka sebagai pejuang sejati (Chang, 2006:15; King, 1993:36,49; Traude, 2003:4; Sandin, 1980b:3; Sutlive, 1996:255).

Menurut Sandin (1980b:4), penghijrahan kaum Iban ke tanah di Sarawak bermula pada abad ke-16 secara beransur-ansur dan berkembang di seluruh pelosok kawasan Sarawak. Justeru itu, perkara ini mungkin disebabkan oleh pertambahan penduduk di tempat asal, untuk membina penempatan baru, tanah yang kurang subur di negara asal dan pergaduhan sesama sendiri seterusnya mereka ini bermigrasi ke kawasan yang baru. Menurut sejarah masyarakat Iban, mereka dipercayai memasuki kawasan Sarawak melalui Sungai Kapuas iaitu kini adalah kawasan Kalimantan Barat, Indonesia. Seterusnya, terdapat juga sebahagian daripada mereka yang dipercayai berhijrah menuju ke tempat-tempat lain seperti Lubuk Antu, manakala yang lain berhijrah ke muara Sungai Buntak hingga ke kawasan Engkelili (Chin, 1987:3; Jensen, 1974:18; Sutlive, 1996:255).

Suku kaum ini juga dikenali sebagai Dayak Laut kerana kebanyakannya daripada golongan mereka ini tinggal di kawasan sungai dan menggunakan perahu sebagai pengangkutan utama dalam menghubungkan mereka dengan kawasan yang lain. Sungai merupakan elemen yang terpenting dalam sumber kehidupan masyarakat Iban. Penempatan awal mereka dipercayai tertumpu dan terletak di kawasan berdekatan dengan sungai. Seterusnya, kawasan penempatan awal adalah seperti di kawasan Batang Lupar, Krian, Saribas dan juga Rejang. Justeru itu, penempatan Iban boleh dikatakan adalah sebuah penempatan komuniti yang tinggal di kawasan sekitar sungai yang dijadikan sebagai sumber utama dalam kehidupan mereka. Walaupun begitu, ada juga sebahagian masyarakat Iban yang telah



berpindah ke kawasan bandar dan sebagainya (Chang, 2006:18; Jensen, 1987:15; King, 1993:36; Sutlive, 1996:255).

Masyarakat Iban didirikan berasaskan tiga unit sosial asas iaitu *bilik*, rumah panjang dan *bansa*. Setiap individu kaum Iban ini adalah anggota dalam sebuah *bilik* yang juga merupakan sebuah unit di dalam rumah panjang tersebut. Individu yang menganggotai dalam rumah panjang itu akan dianggap saudara yang mempunyai hubungan erat dalam perkongsian ekonomi, politik dan sosial. Dalam sebuah *bilik* secara tradisinya adalah terdiri daripada sepasang suami isteri, anak-anak yang belum berkahwin bersama-sama dengan datuk dan nenek. *Bilik* juga berfungsi sebagai satu unit sosial yang memiliki tanah dan harta bendanya sendiri. *Bansa* pula adalah beberapa buah kelompok rumah panjang yang dibina di kawasan yang berdekatan (Freeman, 1992:2; Jensen, 1974:31; Sutlive, 1996:258).

Sumber ekonomi yang utama bagi masyarakat Iban adalah pertanian pindah. Masyarakat Iban juga menjalankan aktiviti pertanian seperti penanaman padi huma, penanaman lada dan sebagainya. Akan tetapi, pada masa kini, pertanian pindah telah banyak digantikan dengan tanaman yang lebih moden. Pertanian yang lebih moden membawa implikasi kepada cara penanaman dan tanaman yang akan diusahakan berdasarkan kepada perusahaan lain kerana berlakunya perubahan ke arah kemodenan. Faktor yang membawa kepada perubahan ini adalah disebabkan oleh perpindahan masyarakat Iban ke kawasan bandar mahupun kemajuan teknologi yang dialami oleh seluruh masyarakat di dunia (King, 1993:48; Sutlive, 1996:256) .

Masyarakat Iban juga telah mengalami perubahan dalam sistem kepercayaan dan kebanyakannya memeluk agama Kristian dan seterusnya adalah agama Islam,





Bahai' dan sebagainya. Selepas kedatangan penjajah di kawasan Borneo, masyarakat Iban telah mendapat pengaruh agama misalnya penyebaran agama Kristian oleh para mubaligh Eropah. Upacara keagamaan Kristian telah diserapkan dalam perkara-perkara seperti pantang larang, upacara kematian, perkahwinan, upacara kelahiran dan perayaan-perayaan mengikut agama Kristian (Ave & King, 1986:103). Selain itu, terdapat juga individu Iban yang menganuti agama lain. Namun begitu, terdapat juga di kalangan individu masyarakat Iban yang masih mengamalkan sistem kepercayaan tradisional yang diadaptasikan dengan sistem keagamaan. Walaupun ramai yang telah menganut agama yang lain, kepercayaan tradisi masih wujud disebabkan warisan yang masih diamalkan oleh mereka. Bagi masyarakat Iban, terma *adat* merupakan elemen terpenting dalam kehidupan mereka (Sandin, 1980b:3).

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Perubahan sosial yang berlaku ke atas masyarakat Iban telah mengubah sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan seharian mereka. Lantaran itu, ia turut memberi impak ke atas muzik tradisional termasuk muzik vokal dan muzik instrumental dalam persembahan dan penggunaannya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan perubahan sosial ke atas kesinambungan persembahan dan penggunaan alat muzik tradisional Iban. Oleh yang demikian, penulis akan menilai dan melihat bagaimana perubahan yang dialami oleh komuniti Iban di kampung tersebut dalam mempertahankan warisan yang merupakan khazanah yang tidak ternilai harganya pada masa kini.



## 1.2 Objektif

1. Mendokumentasikan jenis muzik yang masih ada di Rumah Panjang Engkudu Atas.
2. Menilai kesan perubahan sosial dalam persembahan muzik tradisional masyarakat Iban di Rumah Panjang Engkudu Atas.
3. Melihat kepentingan Gawai Iban Moden sebagai pentas utama untuk kesinambungan muzik tradisional Iban di Rumah Panjang Engkudu Atas.

## 1.3 Teori

Steven Vago (1999:6) memberi makna bahawa perubahan disebabkan oleh sesuatu yang berlaku dan perkara yang berlaku itu boleh mengubah sesuatu. Menurut Vago (1989) yang dipetik dalam Rozalli (2005:75) juga menjelaskan bahawa terdapat enam komponen perubahan, iaitu identiti perubahan, tingkat perubahan, tempoh perubahan, arah perubahan, magnitud perubahan dan kadar perubahan. Teori perubahan merupakan pemboleh ubah dalam kajian ini. Pendekatan secara teoritikal digunakan untuk mengkaji perubahan yang berlaku ke atas masyarakat tersebut. Perubahan yang berlaku diukur dalam proses yang berlaku dan kesan ia boleh berlaku. Perubahan dalam masyarakat juga merupakan fokus utama dalam kajian di mana melihat perubahan dalam penggunaan alat-alat muzik tradisional dalam masyarakat Iban.



#### 1.4 Kaedah Kajian

Dalam penyelidikan ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif dalam menjalankan proses pengumpulan data mentah. Kaedah yang dimaksudkan adalah seperti :

a) Temubual

Data diperolehi secara temubual untuk mendapatkan maklumat dalam kajian penulis. Temubual dilakukan kepada maklumat (key informan) iaitu bersama Ketua Rumah Panjang dan juga Encik Albert yang merupakan pakar di dalam bidang muzik masyarakat Iban. Seterusnya adalah temubual secara berkumpulan. Temubual bersama key informan diadakan di kawasan ruang tamu rumah ketua rumah panjang dan temubual secara berkumpulan diadakan pada waktu petang dan malam melibatkan beberapa penduduk rumah panjang. Kaedah temubual bersama penduduk juga dianggap berkesan kerana melibatkan penglibatan bersama, pengamatan dan sesi temubual bersemuka dengan responden. Ia juga adalah penting bagi mendapatkan data-data yang penting dalam menjawab permasalahan dan objektif kajian. Oleh maklumat yang diperolehi juga adalah sah dan agak tulen mengikut pandangan responden.

Manakala rakaman suara digunakan untuk merakam sesi temubual penulis dan responden yang akan dianalisis selepas perbincangan dilakukan. Rakaman suara ini juga diterjemahkan oleh Encik Albert kerana penggunaan bahasa Iban yang digunakan oleh kebanyakan responden tidak difahami oleh penulis. Penulis juga tinggal bersama keluarga Encik Albert yang juga merupakan penduduk asal rumah panjang tersebut. Nama informan yang ditemubual secara key informan adalah seperti berikut:



- Tuan Temenggong @ Lembang Ak Aji yang merupakan Ketua Kaum Masyarakat di rumah panjang Engkudu Atas. Beliau berusia 56 tahun dan merupakan *tuai rumah* (TR) yang ke 6. Selain itu, beliau juga mempunyai kemahiran dalam memainkan alat muzik Iban. Beliau bertanggungjawab dalam mengendalikan kelas-kelas yang berkaitan dengan kebudayaan Iban di rumah panjang tersebut.
- Encik Albert Renggian bekerja sebagai pegawai Kastam di Kuching dan merupakan pemberi maklumat serta penterjemah kepada penulis. Selain itu, penterjemah adalah berasal dari rumah panjang Engkudu Atas tetapi menetap di Kuching. Berumur 54 tahun dan mempunyai kelengkapan alat muzik tradisional Iban yang lengkap. Beliau juga amat meminati kajian ini dan banyak memberikan panduan, maklumat tentang masyarakat Iban khususnya yang memang dikenali sebagai etnik yang kaya dengan warisan kebudayaan.
- Encik Geoffrey Unong berumur 56 tahun dan menetap di Kuching tetapi berasal dari rumah panjang Engkudu Atas. Bekerja sebagai pegawai Polis dan memberikan maklumat dan informasi mengenai sejarah kampung dan tradisi masyarakat Iban.
- Puan Rabiah Silang berumur 50 tahun dan juga merupakan pesara daripada Sarakraf Sdn. Bhd, Kuching yang merupakan tempat penghasilan kraftangan buatan tangan masyarakat Sarawak. Amat mahir dalam menghasilkan bakul, beg dan sebagainya yang diperbuat daripada



mengkuang dan menjadi kebanggaan masyarakat Iban. Selain itu, memberikan banyak maklumat mengenai kegiatan harian wanita Iban pada zaman dahulu dan sekarang serta responden amat menyanjungi warisan Iban.

- Puan Rekan Silang merupakan pesara daripada Jabatan Penjara dan berusia 60 tahun. Pada masa sekarang menghabiskan masa lapangnya dengan bercucuk tanam seperti padi dan tanaman-tanaman yang lain. Hasil tanaman juga turut dijual di pasar tamu. Penulis juga mendapat maklumat mengenai sejarah kehidupannya, latar belakang, sistem ekonomi yang diamalkan dan warisan kebudayaan Iban yang diketahui.
- Selain itu, temubual secara bersemuka dan beramai-ramai di antara penulis dan penduduk rumah panjang juga diadakan dalam mengumpul maklumat mengenai tajuk yang dikaji. Pandangan dan cadangan penduduk dicatat oleh penulis untuk dijadikan rujukan tambahan. Walaupun hanya golongan tua sahaja yang ada pada masa itu, namun komitmen yang diberikan oleh mereka amat membanggakan.
- Encik Suria Bin Bujang adalah pemangku Pengarah Jabatan Muzium Sarawak yang memberikan pandangan dan tunjuk ajar kepada penulis dalam mencari kajian-kajian yang lepas berkenaan dengan tajuk yang dikaji.
- Encik G.N Mawar adalah responden yang banyak memberikan maklumat mengenai masyarakat Iban di Sarawak dan merupakan saudara kepada



penulis Iban yang terkenal iaitu Benedict Sandin. Komunikasi secara peribadi ini adalah melalui emel dan juga laman web milik responden di <http://gnmawar.files.wordpress.com>.

#### b) Pemerhatian Ikut Serta

Bagi menambah hasil bahan kajian, penulis telah menggunakan kaedah rakaman secara rakaman peristiwa menggunakan kamera digital. Penulis tinggal bersama-sama dengan komuniti Iban ini bagi memudahkan pemerhatian dilakukan secara turut serta. Gambar-gambar yang dirakamkan telah membantu dalam memperkukuhkan lagi dapatan hasil kajian daripada maklumat yang diperolehi.

#### c) Kaedah Perpustakaan

Bagi memperolehi data tambahan dalam kajian ini, sumber perpustakaan turut digunakan. Penulis telah menggunakan buku, jurnal, tesis, suratkhobar dan laporan dalam mencari maklumat mengenai kajian yang dilakukan oleh penyelidik yang terdahulu sebagai data sokongan. Penulis menggunakan maklumat yang diperolehi daripada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah sebagai tempat rujukan utama dan buku-buku yang dipinjam daripada pensyarah iaitu Prof. Madya Jacqueline Pugh-Kitingan mengenai muzik. Selain itu, penulis juga menggunakan data-data dan sumber yang diperolehi daripada Muzium Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak dan Arkib di Sarawak yang dijadikan sumber utama dalam memperolehi maklumat bagi mengukuhkan lagi bukti yang diperolehi dalam kajian. Maklumat yang diperolehi daripada Muzium Sarawak adalah seperti melihat seni dan artifak dalam memberi gambaran awal kehidupan masyarakat yang dikaji tersebut dan juga alat-alat muzik tradisional yang ada dipamerkan .



Manakala sumber daripada Arkib Sarawak digunakan sebagai bahan utama dalam mencari buku, jurnal, majalah, tesis mengenai tajuk kajian.

### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji komuniti Iban yang berada di Rumah panjang Engkudu Atas, Betong, Sarawak. Dari segi kawasan, kajian adalah hanya kepada penduduk Iban yang tinggal di rumah panjang kampung tersebut sahaja. Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada alat-alat muzik tradisional dan muzik vokal dalam kehidupan komuniti ini. Selain itu, penulis juga akan melihat perubahan yang berlaku dalam penggunaan alat-alat muzik tradisional dan juga penggunaan muzik vokal di rumah panjang ini.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini perlu bagi mendokumentasikan warisan nenek moyang komuniti Iban di Kampung Engkudu Atas. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi maklumat tambahan dan juga kepentingan muzik tradisional dalam kehidupan masyarakat yang pada masa dahulu merupakan sebahagian daripada kehidupan. Hal ini penting dalam menjadikan hasil kajian penulis dapat dijadikan rujukan atau kritikan pada masa hadapan. Dengan peredaran zaman ke arah kemodenan, kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit maklumat kepada semua golongan masyarakat yang berminat dan khususnya kepada masyarakat Iban.

Kajian ini juga berupaya melihat bagaimana masyarakat yang dikaji, mempertahankan tradisi yang diwarisi sejak dahulu lagi. Sebagaimana yang kita ketahui, perubahan yang berlaku semestinya akan memberikan impak yang jelas kepada warisan kebudayaan khususnya kerana dianggap sebagai tradisi yang lama oleh



sesetengah orang. Justeru itu, kajian mengenai alat-alat muzik tradisional instrumental, muzik vokal dan perubahan dalam masyarakat Iban juga patut dikaji supaya dapat menambah pengetahuan generasi muda, tua ataupun yang akan datang di samping memuliharanya sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini juga menghadapi beberapa limitasi semasa kajian ini dilakukan. Permasalahan utama kajian ini adalah dalam mendapatkan sumber key informan dan responden yang pakar dalam tajuk kajian adalah sukar disebabkan hanya beberapa orang sahaja yang mengetahuinya. Dari aspek kawasan pula, kos perbelanjaan yang tinggi diperlukan kerana memakan masa perjalanan yang jauh iaitu selama 5 jam untuk sampai ke destinasi. Selain itu, kemudahan jalan raya ke rumah panjang tersebut juga adalah tidak rata dan menyukarkan perjalanan penulis untuk pergi ke tempat kajian.





## Rujukan

### Buku

- A. Aziz Deraman. 2003. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Hamid Adnan. 2004. *Muzik Caklempong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alexander Anak Wong dan Soraya Mansor. 1995. *Engkerurai, Alat Muzik Masyarakat Iban*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan.
- Ave J.B & King V.T. 1986. *Borneo: The People of The Weeping Forest Tradition and Change In Borneo*. Netherlands: National Museum of Ethnology.
- Beattie, J. 1979. *Lain-Lain Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benedict Sandin. 1980. *Iban Adat and Augury*. Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- Blacking, John. 1995. *Music, Culture and Experience: Selected Papers of John Blacking*. Edited by Reginald Byron with a Foreword by Bruno Nettl. Chicago and London: The University of Chicago Press.
- Burna, Micheal. 1992. *Iban Customs and Traditions*. 2<sup>nd</sup> Edition. Kuching: Borneo Publications Sdn Bhd.
- Chang Pat Foh. 2006. *History Of Iban Settlements Around Kuching City Sarawak*. Kuching: The Sarawak Press Sdn. Bhd.
- Ensiklopedia Dunia*. 2005. Jilid 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freeman, Derek. 1992. *The Iban of Borneo*. Kuala Lumpur: S.Abdul Majid.
- Traude, G. 2003. *Iban Ritual Textiles*. Singapore: University Press.
- Giddens, Anthony. 1993. *Sociology*. 2<sup>nd</sup> Edition. New York: Polity Press.



- Gomes, H.E . 2004. *Seventeen Years Among The Sea Dayaks of Borneo*. Kota Kinabalu: Natural History.
- Horton, P.B & Hunt, C.L. 1984. *Sociology*.6<sup>th</sup> edition. Auckland: McGraw-Hill.
- Jary, D. & Jary, J. (ed.). 2005. *Collins Dictionary of Sociology*. 3<sup>rd</sup> Edition. Glasgow: Collins.
- Jasiman Ahmad dan Nora Hj. Samat. 2001. *Siri Ensiklopedia Kebudayaan, Kepelbagaian Tarian*. Kuala Lumpur: Jade Green Publications Sdn. Bhd.
- Jensen, Erik. 1974. *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Chong, Julia. 2000. *Alat Muzik Tradisional Sarawak*. Kuching: Jabatan Muzium Sarawak.
- Kartomi, Margaret. 1990. *On Concepts and Classifications of Musical Instruments*. Chicago and London: The University of Chicago Press.
- Kedit, P.M. 1993. *Iban Bejalai*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn Bhd.
- King, V.T . 1993. *The People of Borneo*. USA : Blackwell.
- Lucas Chin. 1987. *Cultural Heritage of Sarawak*. Kuching: Lee Ming Press.
- Maceda, Jose. 1962. "Field-Recording Sea Dayak Music". *The Sarawak Museum Journal*. 19-20(New Series):491-492.
- Matusky, Patricia & Pugh-Kitingan, Jacqueline. 2004. "Musical Instruments Sabah and Sarawak". In Ghulam-Sarwar Yousof (ed.). *The Encyclopedia of Malaysia. Volume 8. Performing Arts*. pp.74-77. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Matusky, Patricia & Tan Sooi Beng. 1997a. *Muzik Malaysia:Tradisi Klasik,Rakyat dan Sinkretik*. Pulau Pinang dan Kuala Lumpur : The Asian Centre dan Akademi Seni Kebangsaan.
- Matusky, Patricia & Tan Sooi Beng. 1998b. *Pengantar Muzik Malaysia, Buku 1*. Pulau Pinang dan Kuala Lumpur : The Asian Centre.



- Mohamed Ghouse Nasuruddin. 2003. *Muzik Tradisional Malaysia, Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Netti, B. 1964. *Theory and Method In Ethnomusicology*. London: Collier Macmillian.
- Pugh-Kitingan. J. 2004. *Selected Papers on Music in Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail. 2002. *Masyarakat Budaya dan Perubahan*. 2002. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozalli Hashim. 2005. *Pengurusan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sather, C. 2001. *Seeds of Play Words of Power*. Kuala Lumpur: Tun Jugah Foundation.
- Sellato, Bernard. 2002. *Innermost Borneo, Studies In Dayak Culture*. Singapore: Singapore University Press.
- Smelser. J. N. 1995. *Sociology*. (5<sup>th</sup> edition). New Jersey: Prentice Hall.
- Sutlive, Vinson & Sutlive, Joanne (ed.). 2001. *The Encyclopedia of Iban Studies, Volume 2. Iban History, Society and Culture*, pp.1162-1163. Malaysia: The Tun Jugah Foundation.
- Sutlive, Vinson H. 1996. "Iban". In Ember, Melvin & Ember, Carol R. (ed.). *Encyclopedia of World Cultures, Cultures of The World. Volume 10*, pp.255-259. New York: Macmillan Library Reference.
- Taylor, E. 1991. *Musical Instrument of South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press.
- Yahaya Ibrahim. 2008. *Pembangunan Pelancongan Dan Perubahan Komuniti*. Selangor: Dawama.

#### **Karya dalam Pascasidang**

- Brakel, C. & Matusky, P. 2002. Between Music, Dance and Ritual: Performing Arts at the Borneo Research Council Conference. Sabah, Malaysia. 15-18 July.



**Tesis**

Komanyi, I.M. 1972. *The Real and Ideal Participation in Decision-Making of Iban Women: A Study of a Longhouse Community in Sarawak*. Degree in Doctor Philosophy. School of Education, New York University.

Chemaline Anak Osup. 2006. *Leka Main: Puisi Rakyat Iban – Satu Analisis Bentuk dan Fungsi*. Ijazah Kedoktoran Kesusasteraan. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

**Laman Web**

Suzan Ahmad. 2008. Tarian Ngajat Penyeri Gawai (atas talian) [http://www.carmahlms.com/Info Muzik/IMarticles/IMjdbkgm.htm](http://www.carmahlms.com/Info_Muzik/IMarticles/IMjdbkgm.htm). Dicetak 12 Mac 2009.

"Musical Instruments of Borneo" (atas talian) <http://www.borneoexpress.com>. Dicetak 13 Mac 2009.

"Kesenian, Alat Muzik" (atas talian) [www.heritage.gov.my](http://www.heritage.gov.my). Dicetak 11 April 2009.

Reed, Mike. Gawai Antu Feasting With The Dead And The Living (atas talian) <http://www.sarawak.com.my>. Dicetak 14 Mei 2009.

Komunikasi peribadi Encik G.N Mawar (atas talian) <http://gnmawar.files.wordpress.com>.